

Orang ramai diminta hadkan aktiviti luar

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan supaya menghadkan aktiviti luar terutamanya bagi warga emas, kanak-kanak dan mereka yang sensitif kepada cuaca panas.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, keadaan cuaca panas ini boleh mencetuskan fenomena gelombang haba, iaitu situasi yang boleh membawa risiko kesihatan 'hipertermia' atau strok haba.

Menurutnya, bagi negara ini, paras ambang gelombang haba berlaku apabila suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat telah mencapai 35 darjah Celcius untuk lima hari berturut-turut dan ia juga telah melebihi 20 darjah Celcius daripada purata jangka panjang suhu maksimum atau suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut untuk tempat tersebut.

"Menjelang April 2016, cuaca panas dan kering ini dijangka akan berkurangan berikutan bermulanya musim peralihan di mana cuaca akan menjadi lebih lembap dengan kejadian ribut petir pada lewat petang.

"Bagaimanapun, dalam keadaan cuaca sekarang, orang ramai di nasihatkan untuk meminum lebih banyak air dan merujuk kepada pakar kesihatan sekiranya mengalami masalah strok haba," katanya dalam satu kenyataan. Beliau berkata, cuaca panas

yang dialami sekarang adalah fenomena El Nino dan telah menyebabkan keadaan cuaca panas dan kering luar biasa, terutamanya negeri-negeri di utara Semenanjung, Sabah dan Timur Sarawak.

Menurutnya, sehingga 13 Mac yang lalu, suhu tertinggi dicatatkan adalah 38.5 darjah Celsius iaitu di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis.

"Suhu tertinggi yang pernah direkodkan di Malaysia ialah 40.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada tahun 1998 iaitu semasa kejadian El-Nino kuat pada tahun 1997/1998.

"Dengan itu, tidak mustahil sekiranya suhu maksimum tahun ini mencapai 40 darjah Celsius," katanya.

Menyentuh kejadian Ekuinoks, katanya, ia merupakan kejadian tahunan yang menyebabkan bulan Mac dan April lebih panas berbanding bulan-bulan lain.

"Namun ianya bukanlah penyebab utama kepada keadaan cuaca panas dan kering luar biasa yang dialami sekarang.

"Ekuinoks adalah suatu kejadian astronomi di mana kedudukan matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa dan ianya berlaku dua kali setiap tahun iaitu pada 20 atau 21 Mac dan 22 atau 23 September.

"Tahun ini ekuinoks akan berlaku pada 20 Mac dan 22 September," katanya.